



TIMBALAN KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA
DEPUTY DIRECTOR-GENERAL OF EDUCATION MALAYSIA
DASAR DAN PEMBANGUNAN PENDIDIKAN
EDUCATION POLICY AND DEVELOPMENT
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
MINISTRY OF EDUCATION MALAYSIA
ARAS 3, BLOK E8, KOMPLEKS E
LEVEL 3, BLOCK E8, COMPLEX E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
FEDERAL GOVERNMENT ADMINISTRATIVE CENTRE
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA



KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA

Tel : 03-8884 6149
Faks : 03-8884 6146
Portal : www.moe.gov.my

Ruj. Kami: KP(BPK) 1500-4/3 Jld. 4 (33)

Tarikh: 3 Oktober 2014

Seperti senarai edaran


YBhg. Datuk/Tuan/Puan,



PENANGGUHAN PELAKSANAAN KURSUS i-THINK DALAM TALIAN (KiDT) TAHUN 2014

Dengan sukacitanya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman YBhg. Datuk/tuan/puan, semua guru daripada 8,050 buah sekolah akan mengikuti kursus Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) melalui Kursus i-THINK Dalam Talian (KiDT) mulai Oktober hingga Disember 2014. Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) telah memberi taklimat kepada pengetua dan guru besar mengenai KiDT pada bulan September 2014.
3. Kursus ini dilaksanakan melalui dua mod iaitu secara berstruktur dengan menggunakan kemudahan infrastruktur makmal dan peralatan ICT di sekolah atau secara kadar sendiri iaitu mengikuti waktu yang sesuai oleh guru sama ada di sekolah atau di rumah.
4. Walau bagaimanapun, Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) telah menerima maklumat daripada Jabatan Pendidikan Negeri dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (KPPK) mengenai ketidakpuasan hati guru mengenai pelaksanaan KiDT ini atas sebab-sebab capaian internet yang tidak stabil dan kekangan masa yang diberikan untuk guru mengikutinya.



12...

5. Sehubungan dengan itu, dimaklumkan KiDT ditangguhkan pelaksanaannya pada tahun ini dan akan dilaksanakan pada tahun 2015 secara dalam talian dan luar talian (*offline*).
6. Sekolah yang terlibat dengan rintis KiDT di 1,000 buah sekolah boleh meneruskan kursus ini sehingga tahun 2015.
7. Pihak YBhg. Datuk/tuan/puan adalah dimohon untuk memaklumkan perkara ini kepada semua sekolah di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/tuan/puan.
8. Sekiranya terdapat pertanyaan berhubung perkara di atas, sila hubungi Pn. Isnazhana binti Ismail di talian 03-8884 2360 atau 019-380 4119.

Kerjasama YBhg. Datuk/tuan/puan dalam perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.


"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK Dr. AMIN BIN SENIN)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan
Kementerian Pendidikan Malaysia



- s.k.
- i. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
 - ii. Ketua Pegawai Eksekutif Unit Pelaksanaan dan Prestasi Pendidikan (PADU)
 - iii. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
 - iv. Pengarah, Bahagian Pengurusan Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan
 - v. Pengarah, Bahagian Pendidikan Islam
 - vi. Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia